

JPS cegah pencerobohan

SUNGAI MANIK: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hilir Perak berdepan masalah pencerobohan tanah miliknya oleh penduduk yang membina rumah dan menanam kelapa sawit hingga menyukarkan pembangunan dilaksanakan.

Juruteranya, Mohd Azmin Hussein (*gambar*), berkata, JPS tidak mempunyai unit penguat kuasa untuk mendakwa penceroboh tanah berkenaan sebaliknya perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pejabat Menteri Besar bagi mengambil sebarang tindakan.

“Kebanyakan kes pencerobohan tanah milik JPS ditanam kelapa sawit dan terserah kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengambil tindakan.

“Setakat ini, JPS mendapat kerjasama daripada pihak Pejabat Daerah dan Tanah untuk membuat operasi bersama mencegah pencerobohan,” katanya, di sini.

Sementara itu, Mohd Azmin meminta kerjasama penduduk di kawasan penanaman kelapa di Bagan Datoh untuk memberi kerjasama



menjaga kebersihan tali air bagi mengelak saliran itu tersumbat akibat dipenuhi belukar dan sampah-sarap di kawasan berkenaan.

Katanya, JPS melakukan operasi pembersihan setiap enam bulan sekali berdasarkan peruntukan diterima daripada Kerajaan Pusat.

“Setakat ini, JPS membelanjakan RM4 juta kerana melaksanakan pam di lima pintu air untuk mengeluarkan air di tali air apabila berlaku limpahan akibat air pasang Laut Selat Melaka,” katanya.